

Laporan Naib Canselor



Tahun 2010 merupakan tahun ke-8 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berdiri megah di negeri kecil sebelah utara - Perlis. Kepesatan pembangunan infrastuktur dan perkembangan sumber manusia mengiringi perjalanan UniMAP dalam meniti kecemerlangan demi melonjakkan universiti ini agar dapat berdiri megah di persada antarabangsa sama ada dalam bidang akademik mahupun penyelidikan. Dengan bertunjangan sistem pentadbiran yang efektif dan efisien, 2010 dilalui dengan penuh iltizam agar pencapaian tahun ini akan menjadi bekal untuk kejayaan lebih baik pada tahun-tahun mendatang.

Berbekalkan semangat juang yang jitu, UniMAP terus berusaha mendapatkan pengiktirafan bagi program-program pengajiannya. Berkat usaha tersebut, pada Ogos

2010 Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) telah memberi pengiktirafan untuk tempoh dua (2) tahun kepada 15 program pengajian prasiswazah yang ditawarkan di UniMAP iaitu Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Rekabentuk Produk, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, Kejuruteraan Bioproses, Kejuruteraan Alam Sekitar, Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Metalurgi, Kejuruteraan Perhubungan, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Sistem Elektrik dan Kejuruteraan Elektronik Industri. Selain itu enam (6) program diploma yang ditawarkan di UniMAP juga turut mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

Dalam tempoh lapan (8) tahun menawarkan perkhidmatan pendidikan, kini UniMAP diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai universiti yang "sangat baik" atau universiti yang tergolong dalam Tahap (*Tier*) 4 mengikut Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2009 berbanding dengan *Tier* 2 atau universiti kategori "memuaskan" yang dicapai dalam tahun 2006. SETARA 2009 yang diumumkan oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran peringkat ijazah pertama universiti dan kolej universiti di negara ini. Ternyata dalam masa tiga tahun UniMAP berjaya membuat lompatan saujana.

Di samping itu, UniMAP turut cemerlang dalam aspek penyelidikan. Baru-baru ini UniMAP diisytiharkan sebagai universiti tiga



Laporan Naib Canselor

bintang mengikut *Malaysia Research Assessment (MyRA)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). UniMAP berada di tempat ke-2 daripada 15 buah universiti kategori universiti bukan penyelidikan atau tempat ke-7 daripada 20 buah universiti awam di Malaysia.

UniMAP, dalam usaha menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia, telah membangunkan potensi fundamentalnya sebagai institusi akademik dan penyelidikan dalam semua aspek mengikut pengukuran dan piawai antarabangsa. Mulai 16 Julai 2010, UniMAP telah disenaraikan sebagai pembekal Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh *SIRIM QAS International* dan *International Certification Network (IQNet)* setelah memperoleh sijil ISO 9001:2008. Selain itu, UniMAP turut diiktiraf sebagai pemegang sijil MS1722:PART 1:2005 dan sijil Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:2007 bagi pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dianugerahkan oleh *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*. UniMAP telah menjadi institusi pengajian tinggi pertama di utara yang mendapat sijil pengiktirafan tersebut. Pengiktirafan itu juga menjadikan UniMAP sebagai IPTA kedua di Negara ini yang menerima persijilan itu selepas Universiti Malaysia Pahang (UMP). Anugerah ini membuktikan komitmen dan keutamaan UniMAP terhadap keselamatan dan kesihatan di kawasan kampus. Penganugerahan ini juga akan menjadi pemangkin kepada UniMAP untuk lebih komited dalam melaksanakan budaya

keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan warganya.

Sumber manusia merupakan teras dalam pembangunan dan kecemerlangan sesebuah institusi. Walaubagaimanapun, berbanding tahun 2009 dengan kelulusan sebanyak 156 jawatan, hanya 39 jawatan sahaja telah diluluskan oleh Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, 10 jawatan adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 29 jawatan adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik. Dengan pertambahan tersebut, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak 1157 dan jumlah jawatan yang telah diisi adalah sebanyak 1141, iaitu 99%.

Jumlah 1141 jawatan berkenaan adalah terdiri daripada 0.26% kumpulan pengurusan tertinggi, 46.72% kumpulan pengurusan dan profesional akademik, 11.83% kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik, dan 41.19% kumpulan sokongan. UniMAP juga mempunyai 60 orang staf bukan warganegara dan majoriti adalah dari Negara-negara ASEAN.

Untuk memantapkan lagi kualiti sumber manusia di kalangan staf akademik, seramai 44 orang telah diperakukan untuk melanjutkan pengajian di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA) iaitu 34 orang di peringkat pengajian Sarjana dan 10 orang di peringkat pengajian Doktor Falsafah. 51 orang staf lagi telah diperakukan untuk melanjutkan pengajian di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA) iaitu 3 orang di

peringkat Sarjana dan 48 orang di peringkat Doktor Falsafah.

Bagi meningkatkan kompetensi staf pula, pelbagai kursus dan latihan telah dilaksanakan dan untuk tahun 2010, sebanyak 42 jenis kursus dan latihan telah berjaya dikelola sama ada secara dalaman atau usahasama dengan agensi luar. Bidang kursus dan latihan meliputi bidang pentadbiran, kewangan, teknologi maklumat, pengurusan pejabat, pembangunan sahsiah dan lain-lain lagi.

UniMAP sentiasa mengiktiraf sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh stafnya. Melalui Anugerah Seri Gemilang 2009 yang dilaksanakan pada awal 2010, seramai 77 orang staf pelbagai jawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala 26 orang lagi menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang iaitu 34.62% menerima Anugerah Pendidik Cemerlang, 23.08% menerima anugerah Pentadbir Cemerlang, 23.08% menerima Anugerah Staf Sokongan Cemerlang, 11.54% menerima Anugerah Versatil dan 7.69% menerima Anugerah Rakan Pendamping Siswa.

Dalam menghargai kepakaran dan pengalaman di kalangan staf, seramai 50 orang telah dinaikkan pangkat ke pelbagai jawatan bagi tahun 2010. Bagi jawatan akademik, seorang staf dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor, 3 orang staf dinaikkan pangkat ke Profesor Madya, 17 staf lagi ke jawatan Pensyarah Kanan. Bagi jawatan bukan akademik pula, 3 orang dinaikkan pangkat ke Gred 52, 9 orang dinaikkan pangkat ke Gred 44, seorang dinaikkan ke Gred 36, 2 orang ke Gred 32 dan selebihnya ke

Laporan Naib Canselor

jawatan Gred 22 seramai 12 orang dan Gred 14 seramai 2 orang.

Kepimpinan Universiti turut mengalami beberapa perubahan sepanjang tahun 2010. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) kehilangan tiga (3) orang ahlinya apabila Y.Bhg. Dato' Dr. Norraesah bin Hj. Mohamad, Y.Bhg. Dato' Ahmad Shukri Tajuddin dan En. Khalid Mohamed telah menamatkan tempoh pelantikan masing-masing sebagai ahli. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi kemudiannya melantik Y.Bhg. Ir. Dr. Gue See Sew untuk mengisi salah satu kekosongan berkenaan berkuatkuasa 1 September 2010.

Jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) turut bertukar tangan apabila Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal menamatkan tempoh pelantikannya pada 15 Disember 2010. Jawatan berkenaan kemudiannya disandang oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ismail Daut, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik. UniMAP turut kehilangan seorang lagi Pegawai Utama iaitu Tn. Hj. Rusli Hj. Abdul Hamid, Pendaftar yang tamat kontrak pelantikannya pada 2 September 2010.

Kecemerlangan modal insan perlu selaras dengan pembangunan sistem pengurusan dan pentadbirannya. Sejalan dengan itu, UniMAP mengorak langkah membina cabang baru dalam pengajian akademiknya apabila menubuhkan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT). Setelah berjaya menawarkan dua program pengajian perniagaan iaitu Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) dan Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian)

(Perniagaan Antarabangsa) semasa di bawah pengurusan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK), Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) telah membina identitinya sendiri apabila diluluskan penubuhannya pada 4 Jun 2010. Pusat pengajian ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menjadi pemangkin di dalam penjanaan ekonomi dan pengantara pengetahuan bidang pengurusan dan perniagaan kepada semua jabatan dan pusat pengajian kejuruteraan yang ada di UniMAP khasnya serta masyarakat negeri Perlisamanya.

Atas arahan Kementerian Pengajian Tinggi yang berkehendakkan Pusat Ko-kurikulum ditubuhkan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia bertujuan mencapai matlamat seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi memperkasakan *learning outcome* melalui aktiviti ko-kurikulum, maka UniMAP telah menaiktaraf Unit Ko-Kurikulum di bawah Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan kepada Pusat Ko-kurikulum berkuatkuasa 8 Jun 2010. Pusat Kokurikulum menawarkan kursus-kursus sukan, kebudayaan dan badan beruniform dan semua pelajar adalah diwajibkan untuk mengambil satu (1) unit kursus kokurikulum bagi pelajar ijazah, manakala tiga (3) unit bagi pelajar diploma untuk tujuan pengijazahan. Pusat Kokurikulum kini telah menawarkan sebanyak 39 kursus kokurikulum dan badan beruniform untuk pelajar ijazah dan diploma.

Bagi memperkasakan dan menggerakkan aktiviti penulisan dan penerbitan di kalangan staf serta

mengekal dan meningkatkan daya saing dalam bidang penerbitan di samping menyebarkan hasil penyelidikan Universiti, maka Unit Penerbitan yang dahulunya berada di bawah tanggungjawab Jabatan Perpustakaan telah diberi mandat untuk mentadbir sendiri dan diletakkan di bawah tanggungjawab langsung Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Selain dua program pengajian perniagaan peringkat sarjana muda yang ditawarkan melalui PPIPT, UniMAP telah meluaskan ruang lingkup aspek akademiknya melalui penawaran kursus Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kejuruteraan) secara mod kerja kursus. Sarjana Pentadbiran Perniagaan adalah program yang dilaksanakan dengan usahasama Universiti Utara Malaysia (UUM).

Institut Kejuruteraan Nanoelektronik turut melebarkan sayapnya dengan penawaran program pengajian peringkat pascasiswazah. Selain program Doktor Falsafah, Institut ini turut menawarkan tiga program di peringkat Sarjana. Begitu juga dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan yang menambah satu lagi program pengajian peringkat sarjana iaitu Sarjana Kejuruteraan Polimer secara mod campuran.

Dengan penawaran 22 program pengajian di peringkat sarjana muda dan 6 program pengajian peringkat diploma, jumlah keseluruhan pelajar UniMAP ialah 5,693 orang iaitu 4,923 orang pelajar ijazah sarjana muda dan bakinya pelajar diploma. Bagi pengajian pascasiswazah pula, jumlah pelajar peringkat Doktor



Laporan Naib Canselor

Falsafah ialah 116 orang manakala peringkat Sarjana berjumlah 231 orang. UniMAP turut mempunyai kira-kira 180 orang pelajar antarabangsa yang menuntut dalam pelbagai jurusan di peringkat sarjana muda dan pascasiswazah manakala 31 orang pelajar antarabangsa adalah di peringkat program persediaan.

Bagi tahun 2010, UniMAP telah berjaya melahirkan seramai 1176 orang graduan. Jumlah keseluruhan ini menunjukkan peningkatan 14% penghasilan graduan berbanding tahun 2009. Dalam Istiadat Konvokesyen Ke-5 yang diadakan pada 7 Ogos 2010, seramai 7 orang graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 30 orang menerima Ijazah Sarjana, 910 orang menerima Ijazah Sarjana Muda dan 229 menerima Diploma. Daripada 910 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan itu, sebanyak 29 orang (3.2%) graduan dianugerahi ijazah kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas), sementara 378 orang (41.5%) memperoleh ijazah kelas kedua atas (PNGK 3.00 hingga 3.66). Jumlah tersebut juga menyaksikan sekitar 76% telah diterima bekerja oleh pelbagai syarikat multinasional, syarikat setempat, agensi kerajaan atau menyambungkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana di dalam atau di luar negara dalam bidang masing-masing. Selain itu, daripada 229 orang graduan diploma Universiti ini, sebanyak 137 orang (60%) telah diterima masuk semula untuk menyambungkan pelajaran di peringkat ijazah pertama di universiti ini juga.

Bidang penyelidikan terus menyemarakkan kecemerlangan UniMAP sama ada di peringkat kebangsaan mahupun

antarabangsa. Dalam tahun 2010, sebanyak 89 pingat telah berjaya dimenangi melalui tiga penyertaan pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan 3 penyertaan di pameran penyelidikan peringkat antarabangsa. UniMAP telah memenangi 11 emas, 25 perak dan 9 gangsa melalui penyertaan dalam Pameran International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX). Penyertaan ini membuahkan kejayaan 100% kepada para penyelidik UniMAP. Lebih membanggakan, salah satu produk penyelidikan yang dipertandingkan turut menerima Anugerah Khas ITEX 2010 Best Invention Award. Penyertaan dalam Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) pula menyaksikan para penyelidik UniMAP menggondol 2 emas, 8 perak dan 13 gangsa. Penyelidikan UniMAP terus unggul dalam Pameran Bio Malaysia apabila berjaya meraih 4 emas, 3 perak dan 3 gangsa. Dengan pungutan 10 pingat di dalam pameran ini, UniMAP berada di tangga ketiga daripada semua IPT yang bertanding pada tahun ini. Lebih manis lagi apabila salah satu produk UniMAP *Automated Intelligent Grading System For Local Fruits Using Vision Infrared E-Nose & Acoustic : Connecting Biology With Technology* meraih anugerah utama *Grand Award Bio Tech of the Year*.

Penyertaan para penyelidik UniMAP di peringkat antarabangsa juga sentiasa membuahkan hasil. Melalui Pameran International Trade Fair, Ideas, Invention of New Products (IENA) di Nuremberg, Jerman, UniMAP meraih 2 emas dan 1 perak manakala di Seoul International Invention Fair (SIIF), Korea Selatan, 3 emas dan 1 perak berjaya dibawa

pulang. Penyertaan di British Invention Show (BIS) di London lebih mengujakan apabila ketiga-tiga produk penyelidikan yang dipertandingkan memenangi pingat emas di samping dua anugerah khas. Untuk tahun 2010 juga, empat (4) produk penyelidikan telah berjaya mendapat hak paten manakala empat (4) produk lagi telah berjaya dikomersialkan.

Perolehan geran penyelidikan juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2010, UniMAP memperoleh geran penyelidikan keseluruhan sebanyak RM 7,095,440.00 iaitu peningkatan sebanyak 43% berbanding tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, 54.52% diperoleh daripada geran FRGS-KPT, 2.4% daripada geran Sciencefund-MOSTI, 15.31% daripada geran jangka pendek UniMAP dan selebihnya adalah perolehan geran daripada beberapa organisasi dan agensi lain. Paling membanggakan apabila sekumpulan penyelidik UniMAP telah dianugerahi geran penyelidikan bernilai RM1.5 juta oleh King Abdul Aziz City for Science and Technology (KACST), Arab Saudi sebagai tanda pengiktirafan antarabangsa kepada para penyelidik UniMAP.

Turut memmeriahkan agenda penyelidikan di UniMAP ialah pembangunan projek-projek pertanian berteknologi tinggi untuk mengeluarkan benih dan tanaman bernilai tinggi dengan memanfaatkan teknologi rumah hijau, mekanisasi, automasi dan kultur tisu yang akan dibiayai oleh Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) di bawah Northern Corridor Economic Region (NCER) dengan pembiayaan bernilai RM18.1 juta. Bilangan penerbitan para

Laporan Naib Canselor

penyelidik UniMAP yang terindeks dalam Scopus pula mencecah 612 dan berada di tempat ke-14 di kalangan institusi pengajian tinggi lain di dalam negara. Bilangan sitasi hasil penulisan para penyelidik juga telah meningkat kepada 267 pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya. Bidang pengajian perniagaan turut tidak ketinggalan dalam persaingan di bidang penyelidikan apabila mendapat suntikan pihak universiti melalui penubuhan Kluster Penyelidikan Hubungan Antara Teknologi Kemanusiaan dan Inkubator Perniagaan. UniMAP turut menerima pendapatan kasar sebanyak RM 899,841.98 daripada kerja-kerja perundingan dan penganjuran persidangan atau kursus-kursus jangka pendek.

Beberapa persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut dilaksanakan sepanjang tahun 2010. Seminar Antarabangsa Peranan Ilmu Kemanusiaan Dalam Bidang Kejuruteraan (ICoHSE) 2010 telah mencapai objektif utama penganjurannya iaitu mengulas peranan kursus ilmu kemanusiaan dan sains sosial dalam konteks pendidikan kejuruteraan dan teknikal. Seminar yang bertemakan 'Bridging The Gap Between Theory and Practice' telah berjaya menghimpunkan 134 kertas kerja dan sebanyak 121 telah dibentangkan termasuk 25 kertas kerja daripada peserta antarabangsa.

Buat julung kalinya juga, Perpustakaan UniMAP dengan kerjasama *Malaysian Online E-Resources Consortium* (MOLEC) dan Persatuan Pustakawan Malaysia Wilayah Utara telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Sumber

Elektronik Di Malaysia. Objektif seminar adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pelbagai isu berkaitan pembangunan dan penawaran sumber elektronik, menggalakkan rangkaian kerjasama di antara perpustakaan akademik di Malaysia dalam aspek pembangunan dan penawaran sumber elektronik, memahami status penggunaan dan perluasan sumber elektronik di Malaysia serta berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik dalam aspek penawaran sumber maklumat elektronik kepada para pengguna perpustakaan. Sebanyak 15 kertas kerja telah dibentangkan oleh profesional maklumat yang terdiri daripada pelbagai organisasi awam, swasta mahu pun organisasi dari luar Negara.

Demi kepentingan pendidikan sejagat, UniMAP telah menganjurkan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 yang antara lain menyentuh mengenai pemeraksanaan Dasar Pendidikan Negara dan peningkatan kualiti pendidikan serta usaha memartabatkan Bahasa Melayu di semua peringkat institusi pendidikan Negara sebagai asas pembentukan tamadun. Selain seminar yang dinyatakan, UniMAP turut menganjurkan RCAEM 2010, International Conference On X-Ray and Related Techniques In Research and Industry (ICXRI) 2010 serta Simposium Kebangsaan Bahan-bahan Polimer (NSPM) 2010.

Dalam usaha mengetengahkan UniMAP ke persada antarabangsa selain mengukuhkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi dalam Negara, UniMAP telah menandatangani 21 Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan 8 institusi pengajian tinggi luar Negara

dan selebihnya dengan industri atau organisasi dalam Negara. Selain itu 6 Memorandum Perjanjian (MoA) turut ditandatangani. Dengan perjanjian ini UniMAP berpeluang menimba kepakaran selain berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan organisasi terlibat demi membentuk warga UniMAP yang serba boleh dalam pelbagai bidang berkaitan.

Hubungan erat dengan pihak industri membolehkan UniMAP merangka pelbagai program kepada para pelajarnya dalam melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi sebagaimana dikehendaki dalam pasaran pekerjaan. Untuk tahun 2010, UniMAP telah melaksanakan beberapa perubahan bagi pelaksanaan program berkenaan sejajar dengan saranan Lembaga Jurutera Malaysia bertujuan memenuhi keperluan akreditasi ke atas program pengajian UniMAP. Selain itu UniMAP melalui Pusat Kerjasama Industri rancak menganjurkan Program Pendedahan Industri (IndEx) dan Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt) kepada pelajar bagi memberi pendedahan tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, selain memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

Jika 'guru'nya aktif dalam bidang penyelidikan, hal yang sama dapat dilihat di kalangan para pelajar UniMAP. Dengan bimbingan para penyelidik kanan yang berkualiti, penyelidik muda UniMAP mencipta beberapa kejayaan memberangsangkan dalam lima (5) pameran penyelidikan peringkat



Laporan Naib Canselor

kebangsaan dan satu (1) pameran penyelidikan peringkat antarabangsa. UniMAP turut melakar sejarah apabila buat julung kalinya menganjurkan pameran penyelidikan dan inovasi peringkat kebangsaan. UniMAP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) telah menganjurkan Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 yang menyaksikan penyertaan daripada para penyelidik muda daripada 10 institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia. Produk penyelidikan yang mencatat keputusan cemerlang di pameran ini telah dibawa ke Pameran 7th International Exhibition For Young Inventor di Hanoi, Vietnam dan hasilnya UniMAP telah mengungguli pameran berkenaan dengan memperoleh 6 emas dan 1 gangsa.

Selain aspek penyelidikan, para pelajar UniMAP turut didedahkan kepada aspek rekacipta dan inovasi, Penganjuran Malaysia University Robot Competition (MURoC) 2010 telah memberi ruang kepada para pelajar menguji kreativiti masing-masing dalam ciptaan robot. Dari sudut pengiktirafan akademik, seorang pelajar UniMAP telah menerima Anugerah Biasiswa Tunku Abdul Rahman manakala seorang lagi menerima Anugerah Pingat Emas Institusi Jurutera Malaysia (IEM) 2009/2010. Sukan dan kebudayaan juga tidak ketinggalan memberikan impak positif dalam proses pembangunan sendiri para pelajar. Dalam beberapa penyertaan program kebudayaan, para pelajar UniMAP telah diangkat sebagai johan keseluruhan bagi kategori boria dalam Festival Kebudayaan

Universiti-Universiti Malaysia (FESTkUM 2010) selain johan Pertandingan Nyanyian Dondang Sayang 2010. Begitu juga dalam bidang sukan, walaupun kejayaan belum di tahap cemerlang, namun para pelajar UniMAP mampu meraih kedudukan yang terbaik setara dengan Universiti-universiti lain. Berdasarkan kajian My3S pula, tahap kemahiran insaniah pelajar UniMAP berada pada kadar 7.39, mengatasi tahap purata pencapaian peringkat nasional iaitu 7.23.

Walaupun fungsi utamanya adalah akademik dan penyelidikan, namun UniMAP tidak mengabaikan aspek pembangunan sukan dan kebudayaan di kalanganarganya. UniMAP telah menjadi juara bersama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk Kontinjen Terbaik Keseluruhan Kejohanan Sukan Staf IPTA Ke-35. Ini merupakan kejuaraan selama 3 tahun berturut-turut sekaligus merangkul Piala Pusingan Menteri Pengajian Tinggi yang diperkenalkan buat pertama kalinya di kejohanan tersebut. Pasukan bola sepak UniMAP yang mewakili negeri Perlis terus beraksi cemerlang apabila menjulang kejuaraan Piala Agong.

Dari sudut pembangunan kampus, tahun 2010 merupakan tahun akhir pembangunan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Bagi pembangunan kampus tetap, UniMAP melaksanakan 17 projek di mana 5 projek telah berjaya disiapkan, manakala 6 projek sedang dalam peringkat pembinaan. Sebanyak 6 projek telah ditangguhkan dan akan di bawa ke dalam Rancangan Malaysia Ke-10 disebabkan kekangan peruntukan kewangan. Dari segi perbelanjaan pelaksanaan projek, sehingga

Disember 2010, sebanyak RM 317.6 juta telah dibelanja daripada RM 322 juta yang diperuntukkan.

Setelah dua buah pusat pengajian mula beroperasi sepenuhnya di kampus tetap Ulu Pauh, tumpuan diberikan kepada pembangunan Projek Pakej 4 pula terdiri daripada bangunan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan yang mula dilaksanakan pada Februari 2010 dan dijangka siap pada Ogos 2011. Projek Pakej 3B yang terdiri daripada bangunan Perpustakaan, Kompleks Dewan Kuliah dan Kompleks Sukan pula sudah memasuki 65% tahap pembinaannya. UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 Juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 1000 pelajar sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Ulu Pauh. Selain daripada itu, Pusat Pelajar yang terdiri daripada ruang rehat pelajar dengan kapasiti 300 orang selain surau dan kafeteria juga telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan para pelajar yang memulakan sesi pengajian di PPK Pembuatan dan PPK Mekatronik. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 2 Juta ini telah siap sepenuhnya pada April 2010 dan mula beroperasi pada Jun 2010.

Walaupun telah beroperasi di kampus tetap Ulu Pauh, UniMAP masih mengekalkan konsep kampus teragih. Kewujudan satu lagi kampus UniMAP di Taman Pertiwi Indah, Seriab membuktikan bahawa UniMAP sentiasa bersedia menyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri Perlis. Selain itu, bagi mengekalkan konsep 100% pelajar tinggal di dalam kampus, Kolej

Laporan Naib Canselor

Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi, Simpang Empat, Perlis telah diwujudkan dan mampu menempatkan 700 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan.

Melihat kepada aspek kewangan sepanjang tahun 2010, pendapatan mengurus UniMAP ialah sebanyak RM173,492,889 berbanding dengan RM199,656,320 pada tahun 2009. Ini merupakan penurunan sebanyak 13.10%. Daripada jumlah pendapatan mengurus tersebut, sebanyak RM145,189,500 (83.69%) adalah merupakan pemberian kerajaan dan bakinya sebanyak RM28,303,389 (16.31%) adalah hasil dalaman UniMAP. Perbelanjaan mengurus UniMAP pada tahun 2010 pula ialah sebanyak RM169,641,997 berbanding dengan RM187,137,783 pada tahun 2009. Ini merupakan penurunan sebanyak RM17,495,786. Lebih pendapatan mengurus pada tahun 2010 ialah sebanyak RM3,850,892 berbanding dengan lebih sebanyak RM12,518,537 pada tahun 2009. Secara keseluruhannya, lebih pendapatan terkumpul mengurus pada tahun 2010 ialah sebanyak RM95,473,565 berbanding dengan RM91,622,673 pada tahun 2009.

Pendapatan Pembangunan UniMAP pada tahun 2010 pula adalah sebanyak RM87,696,527 berbanding dengan RM78,119,289 pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak 12.26% dan kesemuanya adalah merupakan pemberian kerajaan. Perbelanjaan Pembangunan UniMAP pada tahun 2010 pula ialah sebanyak RM122,624,699 berbanding dengan RM50,870,582 pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak

RM71,754,117 (141.05%). Dengan itu, terdapat pengurangan pendapatan pembangunan sebanyak RM34,928,172 pada tahun 2010 berbanding dengan peningkatan pendapatan sebanyak RM27,248,707 pada tahun 2009. Secara keseluruhannya, lebih terkumpul pendapatan pembangunan pada tahun 2010 ialah sebanyak RM415,218 berbanding dengan RM35,343,390 pada tahun 2009. Ini merupakan pengurangan sebanyak RM34,928,172 (98.83%). Lebih terkumpul ini adalah terdiri daripada nilai infrastruktur dan aset tetap lain yang dibayar dari geran pembangunan kerajaan.

Setiap kejayaan atau kegembiraan pasti disulami dengan kesedihan. Pada November 2010 UniMAP terlibat secara langsung dalam bencana banjir yang melanda negeri Perlis. Walaupun beberapa pusat tanggungjawabnya dilanda banjir dan sebahagian besar warganya terputus hubungan akibat bencana tersebut, UniMAP terus melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya untuk membantu mangsa yang terlibat. Kebajikan setiap warganya sama ada staf atau pelajar tetap diberi keutamaan dan UniMAP turut membantu beberapa organisasi melaksanakan gotong royong pasca banjir di lokasi-lokasi yang terlibat.

2010 merupakan tahun akhir fasa pelaksanaan perancangan dan sasaran strategik. Empat fasa strategi yang dilaksanakan telah meletakkan universiti muda ini sebagai universiti berfokus dalam kelompok teratas universiti selain membuka ruang untuk mengangkat jenama UniMAP ke persada antarabangsa. Untuk tempoh lima (5) tahun akan datang

(2011-2015), UniMAP akan memasuki fasa pemantapan dan pemeraksanaan yang mana kerangka strategi yang bakal dihasilkan adalah menjurus kepada keterlihatan UniMAP di persada dunia. Dengan komitmen dan kerjasama semua staf baik di peringkat pengurusan tertinggi hinggalah ke kumpulan sokongan dalam menyangga agenda perubahan dan inovasi, nescaya impian untuk menyaksikan UniMAP berdaya saing di liga antarabangsa akan dapat direalisasikan.



Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Naib Canselor